

Usaha tambah Bumiputera sertai perniagaan runcit perlu menyeluruh

BH 13 MAY 2000

DEWAN Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) berpendapat usaha menambah bilangan Bumiputera dalam pemiagaan runcit perlu dibuat secara menyeluruh dengan membabitkan semua pihak yang berkaitan.

Naib Presidennya, Datuk Abdul Rahman Maidin berkata, ini kerana Bumiputera bukan tidak berminat untuk menyertai perniagaan itu, tetapi wujud banyak isu dan masalah yang seolah-olah menyekat penyertaan mereka.

Beliau berkata, antara isu dan masalah itu termasuk peluang pemiagaan yang ditawarkan, kemudahan pinjaman dan ke-

sukaran mendapatkan premis perniagaan.

"Ini tentunya membabitkan pelbagai pihak seperti pemaju projek perbandaran baru, bank, pemilik gedung beli belah dan kerajaan tempatan," katanya ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Sri Dr Mahathir Mohamad kelmarin mengenai kurangnya pembabitan Bumiputera dalam industri runcit negara.

Perdana Menteri dalam ucapannya di Perhimpunan Agung Umno kelmarin berkata Bumiputera tidak berminat dengan perniagaan runcit yang memerlukan pembabitan secara

langsung walaupun ia boleh menaikkan taraf mereka ke kelas menengah.

Abdul Rahman berkata, peratusan kaum Bumiputera yang terbabit dalam industri peruncitan terutamanya di bandar besar sangat kecil dan kebanyakan mereka hanya berniaga di gerai kecil di tepi jalan, pasar malam dan pasar tani.

"Selain daripada faktor minat, beberapa faktor lain terutamanya dari segi sumber kewangan dan mendapatkan premis perniagaan menghadkan penyertaan Bumiputera dalam industri runcit ini," katanya.

Ini kerana kebanyakan ge-

dung beli belah di bandar besar tidak menyediakan ruang khusus yang sesuai dengan kemampuan golongan ini sementara bangunan yang dibina oleh penguasa tempatan biasanya tidak begitu dapat menarik pelanggan.

"Bank juga memainkan peranan penting dalam memastikan kemudahan pinjaman dan dana yang disediakan untuk kaum Bumiputera diagihkan dengan cepat," katanya.

Golongan korporat, agensi kerajaan atau pelabur perlu diberi garis panduan untuk memastikan mereka melakukan apa yang perlu membantu go-

longan Bumiputera membabitkan diri dalam industri berkenaan.

Katanya, industri runcit sangat penting untuk mengukuhkan ekonomi Bumiputera kerana peruncit bertindak sebagai orang tengah yang secara tidak langsung menyediakan pasaran untuk produk yang dikeluarkan pekilang Bumiputera.

Abdul Rahman berkata, saranan yang diberikan Perdana Menteri perlu dilihat dari sudut positif bagi untuk menambah bilangan kaum Bumiputera dalam industri runcit negara.